



Selain mengenali ramai kawan baharu, saya berpeluang bermain permainan uji minda dan membina keyakinan diri”

Rusyaidi Ramli,
Murid Sekolah Kebangsaan Langgar



Fasilitator banyak membantu memberi motivasi untuk kami lebih bersedia menghadapi masa depan lebih mencabar”

Umi Kalsum Muhammad Yusof Nan,
Murid SK Nenasi

[FOTO LUQMAN HAKIM ZUBIR/BH]



Sh Mohamed Puzi bersama Zulkifli dan Timbalan Pendaftar Jabatan Penyelidikan dan Inovasi UMP, Datin Faziah Ali bersama sebahagian murid Tahun Enam selepas majlis perasmian penutup Program Empower Boot Camp 2016 di Kem PLKN Semarak, Tanjung Gosong, Pekan, semalam.

Empower Boot Camp lahir pelajar lebih berdaya saing

BERITA HARIAN CMLN(AH) 7 Nov 2016 M/S 7

→ 205 murid Tahun Enam sekolah sekitar Pekan serta program

Oleh Ainal Marhaton
Abd Ghani
bhnews@bharian.com.my

► Pekan

Program Empower Boot Camp di bawah inisiatif Empower ECER Mahkota Pekan dilihat sebagai medan meningkatkan motivasi, jati diri dan keyakinan diri pelajar. Pengurus Besar, Bahagian Pembangunan Modal Insan Maj-

lis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), Zulkifli Ya'acob, berkata menerusi program itu pelajar akan lebihkan berdaya saing dan meningkatkan kemahiran dalam kalangan mereka.

Bantu pelajar lemah

Beliau berkata, program itu juga membantu peserta, terutama pelajar lemah dan daripada golongan kurang berkemampuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan terus berusaha untuk lebih cemerlang.

“Saya berharap pelajar tidak mensia-siakan peluang keemasan diberikan demi membina masa depan yang lebih cemerlang berbekalkan ilmu dan kemahiran dipelajari melalui program ini,” katanya pada Majlis Perasmian Penutup Program Empower Boot Camp 2016 di Kem Pusat Latihan Khidmat Ne-



Saya berharap pelajar tidak mensia-siakan peluang keemasan diberikan demi membina masa depan yang lebih cemerlang berbekalkan ilmu dan kemahiran dipelajari melalui program ini”

Zulkifli Ya'acob,
Pengurus Besar,
Bahagian Pembangunan
Modal Insan ECERDC

gara (PLKN) Semarak, Tanjung Gosong, dekat sini, semalam.

Majlis perasmian penutup dilakukan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Peramu Jaya, Datuk Seri Sh Mohamed Puzi Sh Ali.

Seramai 205 murid Tahun Enam di bawah Empower ECER dari sekolah sekitar Pekan berpeluang mengikuti program berkenaan yang memberi penekanan dari segi transformasi minda, matlamat, budaya pembelajaran positif, sikap, nilai murni, personaliti, pengurusan masa dan kerohanian.

Program usaha sama antara Universiti Malaysia PAhang (UMP) melalui UMP-Advanced Education dan ECERDC yang dimulakan sejak empat tahun lalu, dilaksanakan untuk meningkatkan pencapaian akademik pelajar sekolah dan melatih belia dalam bidang kemahiran.